

Pemandu bas sanggup bekerja 28 hari sebulan untuk raih gaji lebih

Syarikat beri kebenaran atas faktor kurang pekerja dengan persetujuan kedua-dua pihak

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Terdapat syarikat pengusaha bas di negara ini yang membenarkan pemandu-bas bekerja sehingga 28 hari sebulan disebabkan kekurangan tenaga kerja dalam bidang itu.

Mendedahkan perkara itu, Pengerusi Pertubuhan Pengusaha Bas Bumiputera Malaysia (PPBBM), Zainal Abidin Mehat, berkata keadaan itu turut berlaku atas kemahuan pemandu-bas sendiri yang sanggup bekerja hampir sebulan kerana ingin meraih pendapatan lebih.

Bagaimanapun, katanya, keadaan itu hanya berlaku dengan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu syarikat pengusaha bas dan pemandu sendiri untuk kepentingan bersama.

"Selalunya pemandu bas bekerja 20 hari sebulan dengan 10 hari diberikan waktu rehat, namun ada juga yang kerja sampai 28 hari sebulan. Ia berlaku apabila pemandu bas bersetuju untuk mencari duit lebih.

"Kebiasaannya majikan akan

bertanya dahulu, sama ada pemandu bas itu sanggup bekerja pada hari cuti mereka dan ia dilakukan atas persetujuan bersama kerana kebanyakan syarikat kekurangan tenaga kerja," katanya kepada BH, di sini.

Sebelum ini, BH melaporkan pemandu bas di negara ini yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan warga emas adalah berisiko kerana tindak balas atau refleks lebih perlahan, kemerosotan penglihatan dan pendengaran serta letih dengan cepat, antara yang sering dikaitkan dengan mereka.

Gaji pokok RM1,700 sebulan

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, dilaporkan berkata, golongan itu juga berpotensi menghadapi masalah kesihatan seperti darah tinggi, diabetes atau serangan jantung secara tiba-tiba ketika memandu, termasuk ketika membawa penumpang.

Pada masa sama, Zainal Abidin berkata, kebiasaannya pemandu bas ditawarkan gaji pokok sebanyak RM1,700 sebulan dan perlu bergantung kepada elaun perjalanan dan kerja lebih masa.

Beliau berkata, secara keseluruhannya, pemandu bas berupaya memperoleh pendapatan kira-kira RM3,000 hingga RM5,000 sebulan.

"Namun, kiraan bagi elaun perjalanan dan kerja lebih masa adalah tidak sama kerana ia bergantung kepada syarikat. Kebiasaannya bagi pemandu bas per-



siaannya bagi pemandu bas persiaran, mereka bergantung kepada elaun perjalanan.

"Sementara bagi pemandu bas ekspres pula, mereka bergantung kepada elaun perjalanan dan kerja lebih masa," katanya.

Beliau berkata, kebiasaannya tiada ketetapan jumlah perjalanan yang perlu dilakukan oleh pemandu bas setiap hari oleh syarikat.

Katanya, namun tidak wujud situasi pemandu bas mengejar perjalanan kerana kebiasaannya mereka akan diberikan rehat se-

hingga enam jam selepas selesai tugas, sebelum boleh memulakan tugas seterusnya.

"Mereka ada waktu rehat, apabila cukup rehat baru jalan semula ataupun jika bas itu perlu melakukan perjalanan seterusnya, syarikat akan menukarkan pemandu di depoh.

"Kalau contohnya pemandu bas itu perlu melalui perjalanan lebih 300 kilometer (km), mereka akan rehat kira-kira enam jam sebelum sambung bertugas. Jadi tiada isu pemandu itu penat atau mengejar 'trip'," katanya.

Kebiasaannya majikan akan bertanya dulu sama ada pemandu bas itu sanggup untuk bekerja pada hari cuti mereka dan ia dilakukan atas persetujuan bersama



Zainal Abidin Mehat,
Pengerusi PPBBM

Bagi pemandu bas ekspres pula, mereka bergantung kepada elaun perjalanan dan kerja lebih masa



Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, UPM